



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
Bil.04 / 2020

**36 KERTAS UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA KECIL (PRK)
PARLIMEN P.176 KIMANIS DIKELUARKAN**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) pada hari ini, 5 Januari 2020 (Ahad) telah mengeluarkan sebanyak **36 kertas undi pos** bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen P.176 Kimanis. Pengeluaran kertas undi pos bermula pada jam 11.00 pagi dan dijalankan oleh Petugas Pilihan Raya di Bilik Mesyuarat 3, Pejabat Daerah Beaufort.
2. Daripada jumlah tersebut, seramai **35 orang pengundi adalah petugas pilihan raya dan pegawai SPR (Borang 1A)**. Manakala, terdapat **seorang Pengundi Tidak Hadir (PTH)** yang merupakan penjawat awam yang berkhidmat di luar negara. **Tiada permohonan** pengundi pos bagi kategori Borang 1B (warganegara Malaysia yang berada di luar negara) dan kategori Borang 1C (anggota petugas kesihatan dan keselamatan yang dibenarkan) diterima.
3. Proses pengeluaran kertas undi pos ini dijalankan dengan kehadiran wakil-wakil calon daripada Barisan Nasional (BN) dan Parti Warisan Sabah (Warisan).
4. Proses pengeluaran kertas undi pos bagi PRK Parlimen P.176 Kimanis ini telah disiarkan secara live streaming di Facebook SPR bagi menunjukkan proses tersebut dilakukan secara telus dan adil. Selain daripada itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan lagi

kefahaman masyarakat awam mengenai proses pilihan raya.

5. **Tiga (3)** sampul keutamaan undi pos, iaitu **satu (1) sampul keutamaan PTH** dan **dua (2) sampul keutamaan Petugas SPR** telah diserahkan kepada pihak Pos Malaysia pada hari yang sama untuk dihantar kepada pengundi-pengundi terbabit. Manakala 33 sampul keutamaan undi pos bagi petugas SPR yang lain juga akan diserahkan oleh Pegawai Pengurus melalui serahan tangan mulai 5 Januari 2020 (Ahad) selepas tamat proses pengeluaran kertas undi pos.
6. SPR mengingatkan kepada semua pengundi pos, hendaklah mengisi dengan lengkap dan betul serta segera mengembalikannya semula kepada Pegawai Pengurus PRK Parlimen P.176 Kimanis sebelum jam **5.00 petang** pada Hari Mengundi iaitu pada **18 Januari 2020 (Sabtu)**.
7. Pengundi juga diingatkan agar tidak merakam gambar kertas undi pos dan menularkannya di laman media sosial. Sekiranya perbuatan ini dilakukan, tindakan undang-undang boleh diambil dan jika didapati bersalah dan disabitkan boleh dikenakan hukuman sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

DATUK AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh: 5 Januari 2020 / 9 Jamadilawal 1441H